

Prinsip
Perakaunan
Mei
2010
2½ jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2010

TINGKATAN 4

PRINSIP PERAKAUNAN

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B.
3. Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
4. Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.
5. Mulakan tiap-tiap jawapan pada halaman yang baru.
6. Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.

Disediakan Oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai Oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak Oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel.: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak

BAHAGIAN A
[30 markah]

1 Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan Hiasan Dalaman Suria.

- Memulakan perniagaan perkhidmatan hiasan dalaman pada 1 September 2009.
- Tempoh perakaunannya berakhir setiap enam bulan.

- A 1 September 2009 hingga 1 Februari 2010
 B 1 September 2009 hingga 28 Februari 2010
 C 1 September 2009 hingga 1 Mac 2010
 D 1 September 2009 hingga 30 Mac 2010

2 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu kod.

X adalah dokumen yang dikeluarkan oleh badan-badan profesion perakaunan sebagai garis panduan kepada akauntan semasa menjalankan tugas mereka?

Apakah **X**?

- A Kod etika percukaaian
 B Kod etika siasatan
 C Kod etika profesion perakaunan
 D Kod etika pengurusan

3 Antara yang berikut, yang manakah merupakan jenis perniagaan yang menawarkan saham kepada orang ramai?

- A Milikan tunggal
 B Perkongsian
 C Syarikat Sendirian Berhad
 D Syarikat Berhad

4 Penyata kewangan yang disediakan oleh pihak pengurusan syarikat mestilah memenuhi ciri-ciri kualitatif penyata kewangan. Berikut adalah ciri-ciri kualitatif kecuali

- A Relevan
 B Tepat masa
 C Pelaporan berasaskan nilai saksama
 D Kebolehpercayaan

[Lihat sebelah
SULIT]

- 5 Pada 1 Jun 2008, Syarikat Aziz membeli bangunan untuk perniagaan dengan harga RM150 000. Pada tahun 2010 selepas penilaian semula dibuat, nilai pasaran bangunan itu adalah RM220 000.

Berapakah nilai bangunan yang akan direkodkan dalam penyata kewangan 2010?

- A RM70 000
- B RM150 000
- C RM220 000
- D RM370 000

- 6 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Dobi Fauziah.

Puan Fauziah telah merekodkan bayaran sewa rumahnya berjumlah RM185 ke dalam buku akaun perniagaan.


Apakah konsep perakaunan yang gagal beliau patuhi?

- A Entiti berasingan
- B Konservatisme
- C Asas perakaunan akruan
- D Materialiti

- 7 Antara berikut, yang manakah benar mengenai kitaran perakaunan?

- A Kitaran perakaunan adalah proses merekod urus niaga perniagaan secara tepat dan sistematik berasaskan sistem catatan bergu
- B Kitaran perakaunan adalah bukti bahawa satu urus niaga telah berlaku
- C Kitaran perakaunan adalah satu proses yang menunjukkan urutan tatacara perakaunan yang berlaku dalam satu tempoh perakaunan
- D Kitaran perakaunan adalah proses mengelas, mentafsir, melapor dan menganalisis maklumat kewangan

- 8 Rajah 1 adalah sebahagian daripada proses kitaran perakaunan.



Rajah 1

Apakah P?

- A Buku Tunai
 - B Jurnal Khas
 - C Jurnal
 - D Lejar
- 9 Manakah merupakan aset semasa perniagaan?

- I Lengkapan
 - II Bank
 - III Pemiutang
 - IV Penghutang
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 10 Data berikut menunjukkan aset dan liabiliti bagi Kedai Kain Sharifah pada 31 Mac 2010.

Perabot	RM18 750
Stok alat tulis	600
Pinjaman	1 500
Sewa terakru	350
Overdraf bank	2 500
Tunai	800

Hitungkan liabiliti semasa beliau pada tarikh tersebut.

- A RM1 500
- B RM1 850
- C RM2 850
- D RM4 000

- 11 Apakah maksud Akaun Kontra?
- A Akaun yang menyebabkan nilai jualan bersih berkurang
 - B Akaun yang menyebabkan nilai belian bersih bertambah
 - C Akaun yang menyebabkan nilai akaun induk bertambah
 - D Akaun yang menyebabkan nilai akaun induk berkurang
- 12 Antara berikut, Akaun Kontra yang manakah mungkin terdapat dalam rekod perakaunan Perniagaan Hardware Sentosa?
- I Catatan kontra antara akaun aset bukan semasa dan akaun Susut Nilai Terkumpul
 - II Catatan kontra antara akaun aset dan akaun Peruntukan Hutang Ragu
 - III Catatan kontra antara akaun ambilan dan akaun Modal
 - IV Catatan kontra antara akaun Tunai dan Diskaun diterima
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 13 Persamaan perakaunan berikut adalah benar **kecuali**
- A $Aset = Liabiliti + Ekuiti\ Pemilik + Untung\ bersih$
 - B $Aset = Liabiliti + Ekuiti\ Pemilik + Belanja - Hasil$
 - C $Aset = Liabiliti + Ekuiti\ Pemilik + Hasil - Belanja$
 - D $Aset + Belanja = Liabiliti + Ekuiti\ Pemilik + Hasil$
- 14 Pada 1 April 2010, Perniagaan Rusiah Maju telah menjual secara kredit sebuah kenderaan lama bernilai RM 15 500 kepada Pn. Akma.
Apakah catatan bergu untuk urus niaga tersebut?

	Debit		Kredit	
A	Kenderaan	RM15 500	Akma	RM15 500
B	Akma	RM15 500	Kenderaan	RM15 500
C	Kenderaan	RM15 500	Tunai	RM15 500
D	Tunai	RM15 500	Tunai	RM15 500

[Lihat sebelah
SULIT

- 15 Antara berikut, yang manakah merupakan hasil kendalian bagi Kedai Perabot Azli?
- A Jualan perabot
 - B Sewa Diterima
 - C Jualan aset tetap
 - D Faedah Diterima

- 16 Berikut adalah antara maklumat carta akaun bagi Perniagaan Kamal.

Kod	Item
1000 – 1999	Akaun Aset
2000 – 2999	Akaun Liabiliti
3000 – 3999	Akaun Hasil
4000 – 4999	Akaun Belanja

Apakah nombor kod yang betul bagi **Akaun Alat Tulis**.

- A 1001
 - B 2001
 - C 3001
 - D 4001
- 17 Dialog berikut berlaku di antara En. Omar dengan En. Razali mengenai dokumen perniagaan.

Omar	: En. Razali, invois yang telah dihantar kemarin telah terlebih caj.
Razali	: Ya ke? Macam mana awak nak betulkannya.
Omar	: Senang saja. Saya akan hantar satu dokumen bagi mengurangkan jumlah bayaran.

Apakah dokumen yang akan dihantar oleh En Omar?

- A Makluman debit
- B Makluman kredit
- C Nota debit
- D Nota kredit

ASAL		NOORIZAN FLORAL 25, Taman Seri Kolam Kuaa Terengganu	
Kepada Kedai Bunga Hasifah No. 2 Simpang Empat Kemasek TRG		INVOIS	No. 7375
		Tarikh : 16 April 2010	
KUANTITI	BUTIR	HARGA SEUNIT RM	JUMLAH RM
200 dozen	Bunga kekwa	6.00	1 200.00
150 dozen	Bunga lily	4.00	600.00
300 dozen	Bunga kering	5.00	1 500.00
Tolak : Diskaun niaga 20 %			3 300.00 660.00
JUMLAH			2 640.00
(Ringgit : Tiga ribu enam ratus tiga puluh enam sahaja)			
Syarat : 10% 5 hari, 5 % 10 hari			
Serahan : Angkutan dibayar			
K. & K. DiK			
		<i>Hasifah</i> Penerima	NOORIZAN Pengurus

Rajah 2

Soalan nombor 19 dan 20, merujuk kepada rajah 2.

18. Nyatakan Buku Catatan Pertama yang digunakan oleh Noorizan Floral untuk merekod urus niaga tersebut.
- A Jurnal Belian
B Jurnal Jualan
C Jurnal Pulangan Belian
D Jurnal Pulangan Jualan
19. Hitungkan jumlah yang perlu dibayar oleh Pn. Hasifah jika beliau membuat bayaran pada 23 April 2010?
- A RM2 376
B RM2 508
C RM2 970
D RM3 135

[Lihat sebelah
SULIT

Tarikh : 1 Mei 2010
Penerima : Perabot Jati Zaiton
Kerana : Kegunaan Perniagaan

	Ringgit	Sen
Baki akhir	11 000	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	11 000	00
Cek ini	1 350	00
Baki	9 650	00

No. 481001

KERATAN CEK

Rajah 3


- 20 Merujuk rajah 3, dokumen diperolehi daripada Perabot Jati Zaiton. Antara berikut, yang manakah benar bagi merekod urusan tersebut dalam buku perakaunan Perabot Jati Zaiton?

	<i>Debit</i>		<i>Kredit</i>	
A	Perabot Jati Zaiton	RM1 350	Bank	RM1 350
B	Bank	RM1 350	Perabot Jati Zaiton	RM1 350
C	Tunai	RM1 350	Bank	RM1 350
D	Bank	RM1 350	Tunai	RM1 350

- 21 Antara berikut, urusan niaga yang manakah dicatatkan dalam Jurnal Am?
- I Mengambil barang untuk didermakan
 - II Menerima dividen daripada bank
 - III Membawa masuk sebuah komputer ke dalam perniagaan
 - IV Membeli sebuah rak secara tunai untuk kegunaan perniagaan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

22. Urus niaga yang manakah direkodkan dalam Buku Tunai Runcit?

- A Pembayaran sewa kedai secara tunai
- B Pembelian mesin fotostat secara tunai
- C Penerimaan tunai daripada penghutang
- D Pembayaran tambang teksi secara tunai



Rajah 4

23. Rajah 4 menunjukkan pengelasan jenis akaun lejar.

Apakah Y?

- A Penghutang, Pemiutang, Modal, Ambilan
- B Belian, Gaji, Komisen diterima, Jualan
- C Lengkapan, Perabot, Bangunan, Mesin
- D Tunai, Stok akhir, Bank, Penghutang

24. Antara berikut, yang manakah akan direkodkan dalam Akaun Kawalan Pemiutang?

- I Belian
 - II Pulangan Belian
 - III Diskaun Diberi
 - IV Hutang Lapuk
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

25 Akaun yang manakah disenaraikan dalam ruangan debit Imbangan Duga?

- A Diskaun diberi
- B Overdraf bank
- C Pinjaman bank
- D Diskaun diterima

26 Antara berikut, yang manakah kesilapan catatan dalam Imbangan Duga?

	<i>Butiran</i>	<i>debit</i>	<i>kredit</i>
I	Angkutan keluar		350
II	Angkutan masuk	200	
III	Diskaun diterima	550	
IV	Pemiutang		1 320

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

27 Antara berikut, yang manakah diambil kira semasa mengira untung atau rugi kasar?

- I Kos jualan
 - II Stok purata
 - III Angkutan keluar
 - IV Angkutan masuk
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

28 Imbangan Duga Perniagaan Jawariah mempunyai beberapa kesilapan.

Imbangan Duga pada 31 Mei 2010

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal		17 900
Stok awal	14 500	
Jualan	11 100	
Belian		10 400
Iklan		240
Sewa diterima	550	
Pulangan keluar		160
Alat tulis	60	
Tambang	40	
Kadar bayaran		170
Perabot	4 300	

Berapakah jumlah Imbangan Duga setelah kesilapan tersebut diperbetulkan?

- A RM1 680
- B RM28 870
- C RM29 710
- D RM30 550

29 Data berikut diperolehi daripada buku perniagaan Hikmah Enterprise.

	RM
Kenderaan	40 000
Stok awal	5 000
Stok akhir	10 000
Tunai	1 000
Penghutang	2 000
Pemiutang	3 000

Berapakah modal kerja?

- A RM10 000
- B RM15 000
- C RM50 000
- D RM55 000

30 Maklumat kewangan berikut diambil daripada Nani Trading pada 31 Disember 2009.

	RM
Untung kasar	20 000
Sewa diterima	3 600
Gaji	4 200
Kenderaan	6 000
Tunai	500
Insurans	1 800

Berapakah Untung bersih perniagaan tersebut?

- A RM12 200
- B RM17 600
- C RM18 100
- D RM20 000

BAHAGIAN B
[50 Markah]

- 1 Berikut ialah Imbangan Duga Perniagaan Murni pada 31 Mac 2010.

Perniagaan Murni
Imbangan Duga pada 31 Mac 2010

Butir	Debit RM	Kredit RM
Stok Awal	3 000	
Bank		1 000
Belian	19 850	
Jualan		35 000
Pulangan Jualan	400	
Pulangan Belian		350
Pinjaman		10 000
Penghutang	2 100	
Pemiutang		4 250
Lengkapan Kedai	5 000	
Angkutan Masuk	350	
Insurans Atas Belian	240	
Insurans	400	
Diskaun Diberi	200	
Diskaun Diterima		400
Bangunan	40 000	
Hutang Lapuk	200	
Hutang Lapuk Terpulih		100
Kenderaan	25 000	
Tunai	1 000	
Modal		48 890
Gaji	1 800	
Kadar Bayaran	300	
Ambilan	150	
	99 990	99 990

Maklumat tambahan:

Nilai stok pada 31 Mac 2010 ialah RM3 690.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a. Penyata Pendapatan Perniagaan Murni bagi tahun berakhir 31 Mac 2010. [11 markah]
- b. Kunci Kira-kira pada 31 Mac 2010. [7 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

2 Berikut ialah Kunci Kira-kira Perniagaan Perabot Mukhtar pada 1 Mac 2010.

Perniagaan Perabot Mukhtar Kunci Kira-kira pada 1 Mac 2010			
<u>Aset</u>		<u>Ekuiti pemilik</u>	
Alatan pejabat	6 500	Modal	20 000
Penghutang	4 400	+ Untung bersih	13 925
Stok	17 600		<u>33 925</u>
bank	9 100		
		<u>Liabiliti</u>	
		pemiutang	3 675
	<u>37 600</u>		<u>37 600</u>

Berikut urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Mac 2010.

- a) Pemilik membawa masuk komputer RM2 600 untuk kegunaan perniagaan.
- b) Menjual barang niaga secara kredit RM3 760. Kos barang niaga tersebut RM3 310.
- c) Membeli barang niaga secara kredit RM5 550 daripada Azizah.
- d) Pemilik membayar tambang van persekolahan anaknya sebanyak RM60 dengan cek perniagaan.
- e) Terima cek dari penghutang RM4 330.
- f) Menjelaskan semua hutang kepada Azizah dan menerima diskaun sebanyak RM50.
- g) Mengeluarkan sekeping cek untuk membayar sewa premis RM550.

Anda dikehendaki menyediakan semula Kunci Kira-kira pada 31 Mac 2010 selepas mengambil kira urus niaga di atas.

[12 markah]

- 3 Pn. Maziah memulakan perniagaan Kedai Roti dan Kek Maziah di Kampung Tanjung, Kuala Terengganu. Pada 1 Februari 2010 modal perniagaan beliau terdiri daripada tunai di bank RM10 000 dan tunai di tangan RM500.

Berikut adalah urus niaga yang berlaku pada bulan Februari 2010.

Feb 2	Membeli barang niaga dibayar dengan cek	RM 850
3	Menjual barang niaga secara tunai kepada Kedai Berkat	350
5	Menjual barang niaga secara kredit kepada En. Khairi	1 200
8	Pemilik mengambil barang niaga untuk promosi	300
12	Membeli perabot daripada Perabot Din secara kredit	650
19	Terima cek daripada En. Khairi kerana menjelaskan sebahagian hutang	600
21	Membayar hutang kepada Perabot Din dengan cek	340
22	Menerima pinjaman daripada Bank Makmur	10 000
25	Menerima hasil sewa daripada Nurhayati secara tunai	450
27	Membayar gaji pekerja dengan cek.	1 500

Anda dikehendaki menyediakan catatan bergu bagi urus niaga di atas dalam jadual yang disediakan.

[Lihat sebelah
SULIT

(Calon dikehendaki menjawab di ruangan yang disediakan)

Tarikh	Akaun Didebitkan	RM	Akaun dikreditkan	RM
<i>Contoh</i>				
<i>Februari 1</i>	<i>Akaun Bank</i>	<i>10 000</i>	<i>Akaun Modal</i>	<i>10 500</i>
	<i>Akaun Tunai</i>	<i>500</i>		
2				
3				
5				
8				
12				
19				
21				
22				
25				
27				

[10 markah]

(Calon dikehendaki menjawab di ruangan yang disediakan)

- 4 a) Kelaskan butiran berikut sama ada aset, liabiliti, ekuiti pemilik, hasil dan belanja dengan menandakan (✓) di petak berkenaan.

Bil	Butiran	Aset	liabiliti	Ekuiti pemilik	Hasil	Belanja
(i)	Jualan					
(ii)	Diskaun diberi					
(iii)	Sewa dibayar					
(iv)	Gaji terakru					
(v)	Stok akhir					
(vi)	Angkutan keluar					
(vii)	Pinjaman bank					
(viii)	Overdraf bank					
(ix)	Pelaburan					
(x)	Dividen					

[5 markah]

- 4 b) Berdasarkan akaun yang disenaraikan, tandakan (✓) bagi menentukan baki akaun samada berbaki debit atau kredit.

Bil	Nama Akaun	Debit	Kredit
(i)	Belian		
(ii)	Pemiutang Syarikat Rohana		
(iii)	Ambilan		
(iv)	Modal		
(v)	Kadar bayaran		
(vi)	Komisen diterima		
(vii)	Perabot		
(viii)	Premium insurans		
(ix)	Alat tulis		
(x)	Gaji terakru		

[5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

